





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



SEMUA TAK BETUL

SIAPA BETUL

DARI PANDANGAN SI BUTA

AMALINA ARSHAD

PUSTAKA PERDANA



1009638

HIJAZ RECORDS PUBLISHING



**PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA**

© Hijjaz Records Publishing
Cetakan Pertama 2012
ISBN 978-967-5391-10-1

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbit, mengulang cetak, mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, fotografi dan isi kandungan buku ini sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain yang direka pada masa akan datang sebelum mendapat izin bertulis dari Hijjaz Records Publishing. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Amalina Arshad, 1986-

UMNO PAS PKR : Semua Tak Betul? Siapa Betul? : Dari Pandangan Si Buta / Amalina Arshad.

ISBN 978-967-5391-10-1

1. Political parties--Malaysia. 2. Politics and culture--Malaysia.
3. Politicians--Malaysia. 4. Malaysia--Politics and government. I. Judul.
324.29595

PENERBIT EKSEKUTIF & EDITOR PEROLEHAN

Mohd. Faizal Osman

EDITOR

Zuryati Isa

REKABENTUK KULIT BUKU

Haswira Helmi

REKABENTUK ISI & SUSUN ATUR HURUF

Atie

PRUF

Nor Afeeda Mohd. Taha

TERBITAN & EDARAN :

HIJJAZ RECORDS PUBLISHING,

42A-2, Jalan PJU 5/9, Dataran Sunway,

Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.

Tel : 03-61408281 | Faks : 0361408285

www.hrp.hijjazrecords.com

DICETAK OLEH :

MEDIA DIGITAL PRINTING SDN. BHD.

No. 12, Jalan 34/10A,

Taman Perindustrian IKS,

Mukim Batu, Batu Caves,

Selangor



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

KANDUNGAN

Pesan Penulis	v
Sekapur Sireh	vii
Prolog	UM
Kerana Talkin	5
Ragam Episod	11
Tamadun Terbilang Hilang Melayang	25
Jangan Hilang Arah	37
Sejarah Berulang Kembali	49
Perarakan Sebenar	54
Pemimpin Baru	85
Semua Tidak Betul?	103
Serambi Mekah, Jelapang Padi	114
Sensasi Dua Pemimpin	125
Gagasan Yang Dितertawakan	141
Perlaksanaan Hukum Hudud	149
Harapan Seorang Rakyat	168



Peristiwa Hitam	182
Negara Maju. Negara Khalifah	195
Penutup	205

Surat Terbuka :

DYTM Raja Dr. Nazrin Shah	
Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah	211
YAB Dato' Seri Mohd Najib Bin	
Tun Haji Abdul Razak	214
Datin Seri Rosmah Mansor	219
YB Dato' Seri Anwar Ibrahim	223
YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail	228
YB Dato' Seri Tuan Guru Haji	
Abdul Hadi Awang	232
YAB Tuan Guru Dato' Haji	
Nik Abdul Aziz Nik Mat	236



PESAN PENULIS



Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Saudara-saudari sebangsa dan seagama.

Untuk makluman, buku ini adalah senaskah buku yang unik. Ia mengisahkan pengalaman dan riwayat hidup Si Buta. Buku ini bukan sahaja mengisahkan kemelut politik yang melanda orang Melayu Islam di Malaysia sekarang. Tetapi ia juga sarat dengan ilmu dan maklumat duniawi dan ukhrawi.

Di samping itu, Si Buta berusaha membuka ruang bagi mengeratkan ukhuwah dan memupuk semangat silaturrahim dan jalan untuk beramal jariah.

Inshaallah, saudara-saudari boleh menimba dan membongkar banyak rahsia bagi dijadikan pedoman hidup. Oleh itu saudara-saudari mesti membaca buku ini dari perkataan pertama sehingga perkataan terakhir. Jangan membaca secara 'tebuk-menebuk' dan diselang seli kerana dikhuatiri pentafsiran dan pemahamannya tidak menyeluruh.



Sesuatu isu yang dibincangkan bukan sahaja telah dibuat analisa dan perbandingan antara satu sama lain, tetapi ia juga telah merentas masa dan zaman. Baik sejarah kuno, sejarah Melaka, sejarah Tamadun Islam dan sirah Rasulullah sehingga perbincangan mengenai isu-isu kontemporari. Kaedah ini digunakan bertujuan semata-mata bagi meninggalkan kesan yang mendalam sehingga menusuk hati saudara-saudari. Insyallah.

Sekian.

Wa billahi taufiq wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Penulis



SEKAPUR SIREH



Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Segala puji bagi Allah, pemilik sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad, ahli keluarganya, para sahabat, para tabien, para tabien-tabien, para ulama solefulsoleh, para ulama warasatulanbia, para wali Allah, para sodiqin, syuhada dan solihin, muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat serta sesiapa sahaja yang mengikuti mereka dengan ikhlas sehingga ke hari kiamat.

Si Buta ingin sedekahkan bacaan surah *Al-Fatihah* kepada arwah-arwah ibu dan bapanya, bapa mertuanya, besannya, ipar-iparnya, bapa-bapa dan emak-emak saudaranya, sepupu-sepupunya, anak-anak saudaranya dan semua kaum keluarga yang telah pun mendahuluinya.

Mari kita semua hadiahkan juga pahala bacaan *Al-Fatihah* kepada semua pejuang tanah air termasuk pejuang-pejuang kemerdekaan seperti allahyarham Dato' Laksamana Bentan, Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekir, Hang Lekiu,

Hang Kasturi, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Dato' Dol Said, Dato' Naning, Tok Guru Kenali, Tok Janggut, Tok Guru Peramu, Dato' Bahaman, Mat Kilau, anggota-anggota polis yang terkorban di Bukit Kepong, semua bekas prajurit dan polis, Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn, Tun Ghafar Baba, Haji Ahmad Fuad Hassan, Dr. Haji Abbas Alias, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Datuk Mohd Asri Muda, Tuan Haji Yusof Rawa, Dato' Fadzil Mohd Noor dan semua ahli parti UMNO, ahli parti PAS, ahli parti PKR serta semua rakyat Malaysia dan umat Islam di seluruh dunia, yang telah lama meninggal dunia. *Al-Fatihah*.

Si Buta ingin menghadih dan menunjukan penulisan ini khas untuk bapa saudaranya, allahyarham Pak Itam Jamal bin Sudin. Untuk makluman, beliau boleh dianggap sebagai seorang pejuang politik yang tulen, ikhlas, jujur, amanah dan istiqamah. Pak Itam Jamal bin Sudin telah kembali ke rahmatullah pada hari Ahad 3 Julai 2011 bersamaan 1 Syaaban 1432. Sekalung *Al-Fatihah* untuk arwah Pak Itam Jamal bin Sudin.

Si Buta juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat menghasilkan buku ini terutamanya isteri tersayang; Shila, anak-anak; Amir, Amalina, Atiqah, Adibah dan Adam, abang Achip, anak-anak saudara, Pak Li dan Shahrul. Semoga dilimpah rahmat, keberkatan dan keredhaan Allah kepada semuanya.

Si Buta bersama penulis juga menyusun sepuluh jari, memohon ampun dan maaf daripada semua watak dan nama-nama yang telah disebut di dalam buku ini terutamanya Dato' Seri Najib Tun Razak, Datin Paduka Rosmah Mansor, Dato' Seri Haji Hadi Awang, Dato' Nik Aziz Nik Mat, Dato' Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Wan Azizah Ismail, Tun Dr. Mahathir Muhammad, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Tun